

[FOTO SUPLAN AHMAD HIL]



(Dari kiri) Shaharuddin, Mohd Faizal dan Siti Raihani pada Forum Siri Derhaka 1 - Jenaka yang Menggugat: Satira Politik dalam Tradisi Perlawanan di Alam Melayu di Petaling Jaya, baru-baru ini.

# Satira politik Melayu tidak sekuat Barat

➔ Tampil dalam bentuk sastera rakyat, tetap ada unsur sindir, perlu

Oleh Mohd Aizat Shamsuddin dan Nur Sabrina Suhaimi  
bhsastera@bh.com.my

▶ Petaling Jaya

Unsur satira dalam sastera tradisional Melayu diadaptasi bukan sahaja dalam bentuk puisi dan pantun, bahkan turut masuk ke dunia filem kerana ia mampu menikam jiwa pembaca serta penonton.

Tidak hairanlah, filem Melayu lama termasuk arahan Seniman Agung, Allahyarham Tan Sri P Ramlee sarat dengan satira berbaur lucu dan lembut, tetapi cukup kuat menampar bukan sahaja realiti zamannya, bahkan segar hingga kini.

Menelusuri sejarah satira sejak zaman Yunani, seni itu bertujuan untuk mencapai moral dengan penggunaan bahasa yang indah tetapi menikam.

Felo Penyelidik Jabatan Sosiobudaya dan Kesenian Melayu, Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya, Prof Dr Shaharuddin Maaruf, berkata karya satira politik berkembang apabila wujudnya tekanan politik pemerintahan autokrasi hingga pengarang

menjadikan satira sebagai medium untuk bersuara.

"Sekiranya betul caranya, satira politik menjadi lebih pedas dan menghiris serta lebih kuat daripada bahasa biasa yang digunakan.

"Namun, penggunaan unsur satira dalam politik boleh dianggap tidak begitu ketara sebaliknya unsur satira yang lebih banyak bertebaran ialah genre yang lebih lembut seperti syair dan pantun.

## Watak Pak Pandir, Si Luncal

"Ia hadir dalam bentuk sastera rakyat seperti jenaka yang dapat kita lihat melalui kewujudan tokoh Pak Pandir dan Si Luncal.

"Walaupun satira ditampilkan dalam bentuk yang tidak ketara, tetap ada unsur menyindir dan memperli," katanya dalam Forum Siri Derhaka 1 - Jenaka yang Menggugat: Satira Politik dalam Tradisi Perlawanan di Alam Melayu di sini.

Yang turut hadir sebagai ahli panel ialah Felo Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Mohd Faizal Musa dan Pensyarah Fakulti Peruisan Kreatif & Filem, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Siti Raihani Mohamed Saaid.

Shaharuddin berkata, satira yang ada di alam Melayu tidak semaju atau sesubur satira yang wujud dalam peradaban lain terutama Eropah.

Beliau berkata, antara satira yang boleh dianggap sebagai karya agung ialah Don Quixote oleh Miguel de Cervantes dan

Dead Soul (Nikolai Gogol).

"Di alam Melayu ini, antara tokoh yang banyak menghasilkan karya sastera berunsur satira ialah Ishak Muhammad atau lebih dikenali sebagai Pak Sako.

Shaharuddin berkata, walaupun unsur satira wujud dalam filem, nilainya boleh dianggap tidak begitu mencengkam.

Katanya, siri *Bujang Lapok* arahan P Ramlee lebih dianggap sebagai filem yang menampilkan lawak jenaka dan komedi.

Namun jika dikaji secara meluas dan dikaitkan dengan isu sosial, Shaharuddin berkata, keempat-empat siri *Bujang Lapok* mempunyai unsur yang sangat bermakna menerusi adegan filem terbabit yang mengesahkan perspektif satira.

## Bangkitkan persoalan

"Filem *Bujang Lapok* ditayangkan pertama kali pada 1957 ketika rakyat sedang merasai kegembiraan kemerdekaan dan kemudiannya *Pendekar Bujang Lapok* (1959), *Seniman Bujang Lapok* (1961) dan *Ali Baba Bujang Lapok* (1961).

"Setiap siri ini membangkitkan persoalan dalam bentuk satira kerana filem terbabit mencerminkan nasib bangsa Melayu selepas era kemerdekaan yang masyarakatnya kecil-kecilan daripada pembangunan dan berasal dari luar bandar serta berstatus sosial rendah," katanya.

Sementara itu, Mohd Faizal berkata, novel *Shit* yang ditulis Sasterawan Negara (SN) Prof Emeritus Datuk Shahnun Ah-



Walaupun unsur satira wujud dalam filem, nilainya boleh dianggap tidak begitu mencengkam"

Shaharuddin Maaruf,  
Felo Penyelidik Jabatan  
Sosiobudaya dan Kesenian  
Melayu, APM,  
Universiti Malaya

mad sebagai pilihan yang agak kasar dan dianggap tidak sesuai ketika itu.

"Jika novel ini diberi peluang untuk dibaca pada masa sekarang, pembaca masih boleh mengaitkannya dengan situasi politik semasa kerana subjek yang diketengahkan boleh dikaitkan dengan ahli politik dan sesiapa saja.

## Karya sepanjang zaman

"Jadi, tidak mustahil untuk novel *Shit* dikatakan sebagai karya sepanjang zaman," katanya.

Mohd Faizal berkata, novel satira politik kerana mendedahkan perihal politik negara dengan menggunakan ayat yang menikam dengan kasar.

"Jika dibaca novel terbabit, tidak dijumpai sebarang nama ahli politik sebaliknya yang ada hanyalah kata hinaan yang dikategorikan sebagai satira kasar.

"Penggunaan satira yang berbaur kasar digunakan kerana dikhuatiri tidak sampai maksud mesej yang disampaikan.

"Ini menerangkan mengapa satira bukan bakat orang Melayu dan bukan satu topik yang popular di negara ini," katanya.

Berkongsi pengalamannya, Mohd Faizal berkata, beliau turut menjadi saksi terhadap penulisan novel *Shit* ketika menjadi pelajar kepada tokoh sasterawan terbabit dan terkejut dengan tajuk asal novel terbabit.

Namun, selepas diteliti beliau memahami bahawa novel itu satu refleksi kepada politik pada ketika itu.